Prayer Times | Imsak 5.06am | Subuh 5.16am | Syuruk 6.36am | Doha 7

90 years and growing strong

From Page One

In 1981, the association was accepted into the World Organization of the Scout Movement (WOSM) as the 117th member.

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam became an honorary patron of WOSM on November 1, 1993.

In 1995, the organisation joined the International Union of Muslim Scouts.

Dato Paduka Ar Haji Idris said PPNBD conduct activities both local and on regional and international levels, joining those jamborees and scout conferences, including ones held at the ASEAN, Asia-Pacific and World Scout levels.

PPNBD will send 20 members for the 25th World Scout Jamboree in Saemangeum, South Korea this year.

Permanent Secretary (Core Education) at the Ministry of Education Dr Shamsiah Zuraini

Karnival 90 sambut sembilan dekad pergerakan pengakap

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 JAN – Bagi meraikan 90 tahun penubuhan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Karnival 90 (K90) sempena 90 tahun Pergerakan Pengakap di Brunei Darussalam telah diadakan di Dewan Serba guna, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, hari ini.

Majlis juga diselajurkan dengan pelancaran logo K90 oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) di Kementerian Pendidikan, Dr Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku tetamu kehormat majlis.

Antara lain objektif K90 adalah untuk meningkatkan kehadiran PPNBD di Brunei Darussalam selain untuk memberigakan kegiatannya kepada orang ramai.

Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Ar Haji Idris bin Haji Abas dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan, pada Ogos tahun ini PPNBD akan menghantar lebih 20 orang ahli untuk menyertai Jambori Pengakap Sedunia ke-25 di Saemangeum, Republik Korea.

Tetamu kehormat majlis menyerahkan poster K90 kepada jabatan yang terlibat dalam acara tersebut.

Selain itu beliau turut mengongsikan pencapaian pergerakan pengakap sejak 1976 diterima menjadi Ahli Bersekutu dalam Pengakap Rantau Asia Pasifik (APR).

Pada majlis itu, Dr Shamsiah Zuraini Kanchanawati turut menyerahkan poster K90 kepada jabatan-jabatan yang terlibat sambutan berkenaan yang antaranya Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Selain itu, poster juga akan disampaikan kepada persatuan-persatuan pengakap daerah.

Karnival diisikan dengan pameran poster yang mengandungi kegiatan-kegiatan pengakap, gambar-gambar ristaan, pakaian seragam, lencana-lencana pengakap dan lainnya.

Perasmian karnival tersebut turut menyaksikan pelancaran logo kontinjen yang akan menyertai Jambori Pengakap Sedunia ke-25 oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis pelancaran Karnival berkenaan merupakan acara kedua sempena 90 tahun pergerakan pengakap pada tahun ini yang mana sebelumnya pada 1 Januari lalu telah diadakan majlis Doa Kesyukuran.

Pelbagai program juga telah dirancang sepanjang tahun ini bagi memeriahkan K90 yang mana acara kemuncak 90 Tahun Pergerakan Pengakap adalah Jambori Nasional ke-5 yang akan dianjurkan pada Disember depan.

Antara yang dipamerkan semasa karnival sempena 90 tahun penubuhan pergerakan pengakap di Brunei.

Bantu tambah bekalan darah

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 JAN.– Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) memerlukan semua jenis darah dengan segera memandangkan tahap bekalan darah di hospital berkenaan masih di tahap yang rendah.

Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan stok bekalan darah orang ramai dialu-alukan untuk menderma darah dengan berkunjung ke Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS bermula 8 pagi hingga 11:30 pagi dan 1:30 petang hingga 3:30 petang pada waktu bekerja.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan turut memaklumkan bahawa kempen-kempen derma darah juga akan diadakan di beberapa lokasi bermula esok di tempat pengambilan darah, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong bermula 1:30 petang hingga 3:30 petang.

Pada 31 Januari, kempen akan diadakan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi, Kampung Wasan anjuran kampus berkenaan, diikuti pada 1 Februari di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kampung Pandan, Kuala Belait anjuran perpustakaan berkenaan, yang mana masing-masing akan bermula dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Kempen seterusnya diadakan di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, anjuran KHEU pada 2 Februari dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Ini diikuti pada 4 Februari di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis, Gadong anjuran Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen-kempen tersebut adalah sangat digalakkan.